

**UCAPAN PERASMIAN
YANG BERHORMAT
DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT PEGAWAI KANAN
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
TAHUN 2011**

**30 MEI 2011 (ISNIN), 9.00 PAGI
HOTEL HOLIDAY INN
MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Yang Berbahagia Datuk Thomas George
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Mohd Noor bin Yaacob
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Mohamad Bin Husin
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes)

Yang Berbahagia Dato' Ar. Nur Haizi binti Abdul Hai
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)

Pengarah-pengarah Kanan,
Pengarah-pengarah Cawangan,

Pengarah-pengarah Negeri ,

Pegawai-pegawai Kader,

Jurutera-jurutera Daerah dan semua hadirin sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera
Salam Satu Malaysia

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izin-Nya, sekali lagi kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya Malaysia Tahun 2011 di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah ini. Saya amat berbesar hati dan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak JKR kerana sudi menjemput saya bagi merasmikan majlis pada pagi ini.

2. Saya difahamkan bahawa mesyuarat yang diadakan mulai hari ini sehingga 1 Jun 2011 mengumpulkan seramai 443 orang pegawai kanan JKR yang terdiri daripada Pengarah Cawangan dan Negeri, Jurutera Daerah dan Pegawai Kader dari seluruh negara. Saya percaya, mesyuarat yang akan berlangsung selama 3 hari ini merupakan platform yang terbaik untuk saudara dan saudari berkongsi pengetahuan, pengalaman serta menjana idea-idea baru dalam menterjemahkan tema mesyuarat pada kali ini iaitu "Pelanggan Diutamakan, Janji Dikotakan".

3. Justeru, amatlah tepat dan sesuai bagi saya menggunakan kesempatan yang ada pada pagi ini untuk kita sama-sama bermuhasabah dan melihat kembali di manakah kedudukan JKR sekarang. Perkara ini amat penting supaya tuan-tuan dan puan-puan dapat merangka satu tindakan yang strategik bukan sahaja untuk memastikan kecemerlangan dan kerelevanan JKR pada hari ini, tetapi untuk mengukuhkan lagi kedudukan organisasi JKR di masa hadapan.

Dato'-Dato', Tuan Tuan dan Puan-Puan sekalian,

4. Dalam konteks negara Malaysia pada hari ini, kata-kata perubahan ataupun transformasi tidak pernah lekang dari mulut pemimpin nombor satu negara iaitu Y.A.B. Perdana Menteri yang kita kasihi. Pelbagai langkah pembaharuan telah diperkenalkan oleh beliau demi mencapai hasrat negara maju yang berpendapatan tinggi serta mampan menjelang tahun 2020. Ini dapat dilihat dengan jelas menerusi konsep "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", yang kemudiannya diterjemahkan pula melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

5. Langkah ke arah mentransformasi negara telah memasuki fasa yang seterusnya. Baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah menyatakan rasa puas hati dan gembira beliau tentang perkembangan kemajuan dan pencapaian kedua-dua program transformasi ini. Dalam hubungan yang berkaitan, sektor pembinaan juga perlu turut ditransformasikan. Laporan Ekonomi Negara pada suku pertama 2011 menunjukkan KDNK mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.6 peratus berbanding 10.1 peratus pada suku yang sama tahun lalu.

6. Sektor pembinaan pula berkembang pada kadar 3.8 peratus pada suku pertama tahun ini berbanding 8.7 peratus pada tahun lepas. Pada tahun ini, sektor pembinaan secara keseluruhan dijangka akan mengekalkan pertumbuhan positif sebanyak 4.4 peratus. Momentum pertumbuhan positif sektor ini didorong oleh pelaksanaan

projek meliputi subsektor bukan kediaman dan juga subsektor kejuruteraan awam.

7. Petunjuk-petunjuk ekonomi ini adalah satu indikator yang jelas kepada kita semua bahawa JKR memainkan peranan yang penting dalam menyumbang dan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi dalam negara melalui aktiviti pembinaan. Apabila sebut sahaja perkataan projek pembinaan, maka nama JKR akan terus terlintas di fikiran semua pihak. Dan saya yakin tuan-tuan dan puan-puan sering menghadapi situasi di mana, apabila sebut sahaja bekerja di JKR, maka banyak pihak menyangkakan tuan-tuan dan puan-puan boleh beri mereka projek.

8. Persepsi dan pemahaman tentang tugas JKR sebenarnya telah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat Malaysia. Masakan tidak, JKR merupakan agensi pelaksana projek pembangunan Kerajaan yang terbesar di negara ini dan telah wujud sejak tahun 1872, iaitu 139 tahun dahulu. Satu tempoh masa yang panjang, melangkaui satu abad lamanya. Sejarah telah membuktikan bahawa tanpa sokongan dan khidmat yang disediakan oleh JKR, negara kita tidak mungkin mampu mengecapi kemudahan dan keselesaan infrastruktur yang ada pada hari ini.

9. Namun kita tidak harus leka dengan pencapaian ini kerana perjalanan JKR masih jauh dan cabaran yang bakal ditempuh amat berbeza dengan apa yang dilalui sejak zaman penubuhannya.

Ekspektasi pelanggan kini semakin tinggi, dan kita harus sentiasa berada setapak di hadapan mereka. Dalam keperluan persekitaran yang semakin mencabar ini, setiap agensi mesti mempunyai kefahaman dan hala tuju yang jelas terhadap bidang teras dan fungsi masing-masing. Tidak terkecuali, JKR perlu meletakkan peranannya sebagai sumber rujukan utama negara dalam aspek teknikal.

Dato'-Dato', Tuan Tuan dan Puan-Puan sekalian,

10. Dalam RMKe-9, JKR telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 6,126 projek pembangunan fizikal. Dari jumlah ini, 207 projek telah ditangguhkan pelaksanaan oleh Kementerian Pelanggan dan JKR telah berjaya menyiapkan 97.4% atau 4,688 projek daripada 4,808 projek yang dirancang untuk disiapkan dalam RMKe-9. Pada awal tahun ini, JKR telah diberi kelulusan meneruskan pelaksanaan 1,156 projek RMK-9 yang belum disiapkan atau yang dirancang untuk disiapkan dalam RMK-10. Sehingga akhir April 2011, 296 projek berkenaan telah disiapkan dan baki 811 projek masih dalam peringkat pembinaan dan 49 projek masih lagi dalam peringkat pra-pembinaan. Daripada jumlah projek yang sedang dilaksanakan oleh JKR, terdapat 118 projek sambungan RMKe-9 yang dikategorikan sebagai projek sakit.

11. Satu realiti yang harus kita akui, walaupun pelaksanaan memuaskan, jumlah projek fizikal RMK-9 yang dilaksanakan oleh JKR ini hanyalah kira-kira 30% daripada 22,108 projek fizikal seluruh negara. Trend yang sama juga dapat dilihat dalam *rolling plan* pertama

RMKe-10, di mana JKR hanya memainkan peranan yang kecil sahaja dalam pelaksanaan projek negara. Adakah jumlah peratusan projek yang dilaksanakan ini setimpal dengan keupayaan kita? Adakah peranan yang semakin berkurangan ini selaras dengan jolokkan kita selaku agensi teknikal terulung negara?

Dato'-Dato', Tuan Tuan dan Puan-Puan sekalian

12. Salah satu perubahan positif yang saya lihat berlaku di JKR pada ketika ini adalah, tidak lagi kedengaran isu dan masalah kekurangan sumber manusia. Sebenarnya JKR mempunyai sumber manusia yang lebih dari mencukupi sekiranya digunakan dengan cekap. Sebagaimana yang telah diarahkan oleh kabinet pada tahun lepas, penempatan semula telah berjaya dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pendidikan. Adalah satu kerugian kepada negara sekiranya anggota perkhidmatan awamnya tidak ditempatkan pada landasan yang betul, misalnya jurutera dan juruteknik yang sepatutnya melakukan tugas-tugas pelaksanaan projek tetapi hanya ditugaskan melakukan kerja-kerja operasi pentadbiran. Lebih merugikan lagi, kepakaran dan pengalaman pegawai-pegawai senior tidak digunakan sepenuhnya untuk mengendalikan projek-projek yang kompleks dan menguruskan isu-isu kritikal berkaitan JKR.

13. Dengan menitikberatkan perkara ini, JKR sudah pasti akan menghasilkan ramai pakar di bidang masing-masing. Arkitek JKR akan mampu menghasilkan rekabentuk yang lebih baik, setiap Jurutera Awam, Elektrik dan Mekanikal akan mampu menghasilkan dan

memberikan penyelesaian yang lebih komprehensif dan setiap Jurukur Bahan mampu mengemukakan pengiraan kos yang lebih tepat.

Dato'-Dato', Tuan Tuan dan Puan-Puan sekalian

14. Seperti yang saya selalu nyatakan, kita haruslah sentiasa melengkapkan diri dengan mempelajari serta menguasai teknologi baru yang berkaitan dengan bidang tugas teras kita. Berdasarkan kepada keperluan dan perkembangan semasa teknologi ketika ini, kita perlu menjadi pelopor kepada penggunaan teknologi hijau dalam pembinaan. JKR seharusnya turut memberi sokongan kepada pembangunan teknologi masa depan ini dengan membangunkan projek-projek pembinaan berteraskan penggunaan teknologi hijau. Walaupun teknologi tersebut pada peringkat awal memerlukan kos yang tinggi, tetapi untuk jangka masa panjang, ia dapat menjimatkan kos. Oleh yang demikian, agensi di bawah Kementerian ini khususnya JKR dan CIDB bekerjasama dengan Kementerian Teknologi Hijau dan Air bagi meningkatkan keupayaan dan pengetahuan tenaga pakar untuk mensinergikan teknologi hijau dalam industri pembinaan negara.

15. Saya berharap pengumuman yang saya buat hampir 6 bulan lalu mengenai cadangan pewujudan indeks bangunan hijau Kerajaan telah pun berada pada peringkat akhir penyediaannya. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan dapat imbas kembali, saya pernah memaklumkan perkara ini kepada media bahawa satu jawatankuasa bersama yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya akan

meneliti cadangan pewujudan satu indeks bangunan hijau yang baru bagi projek Kerajaan. Pada hemat saya, JKR dan CIDB perlu memainkan peranan yang signifikan dalam menetapkan standard dan menjadi input utama kepada Kementerian Teknologi Hijau dan Air tentang apa sahaja perkara berkaitan teknologi hijau dalam pembinaan.

16. Saya juga telah memberi sokongan sepenuhnya dalam penggunaan teknologi baru seperti pencahayaan LED untuk lebuh raya seperti yang telah dilaksanakan di Lebuhraya Karak serta projek pilot di MRR2 dan Lebuhraya Persekutuan. Walau bagaimanapun, proses dan masa yang di ambil untuk merealisasikan penggunaan teknologi ini adalah terlalu perlahan. Selain itu, saya juga mengambil maklum kadangkala kita juga menyukarkan urusan dan tidak memudahcara klien yang ingin mencadangkan penggunaan teknologi serta rekabentuk baru kerana tidak mahu menerima sesuatu yang berlainan.

Dato'-Dato', Tuan Tuan dan Puan-Puan sekalian

17. Bagi meminimumkan kesan buruk daripada cabaran keadaan luaran termasuk kenaikan harga komoditi dan tekanan inflasi, adalah penting bagi JKR bersama-sama CIDB menyediakan pelan tindakan yang komprehensif bagi memastikan persekitaran industri binaan yang sihat. Suka saya nyatakan di sini bahawa, langkah rasionalisasi subsidi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan akan turut memberi

kesan kepada kenaikan harga barang binaan. Seterusnya kenaikan harga barang binaan ini akan menyebabkan kos projek Kerajaan juga akan turut meningkat. Perkara ini tidak dapat dielakkan tetapi kesannya boleh diminimakan. Hanya satu sahaja jalan penyelesaiannya, iaitu, JKR perlu cepat dan tepat dalam membuat keputusan kerana setiap penangguhan dan kelewatan dalam membuat keputusan hanya akan mengakibatkan kenaikan kos.

18. Pada masa yang sama, kita juga perlu memperbaiki sistem penyampaian yang sedia ada secara holistik meliputi segenap peringkat organisasi. Ini termasuk dalam mempercepatkan urusan memproses pemberian tender atau proses perolehan dengan menjumudkan peraturan-peraturan yang lapok. Proses pemberian projek yang dipendekkan akan membolehkan kerja-kerja projek berkenaan dapat dilaksanakan lebih awal lagi. Sebenarnya perkara ini perlu dilihat serius oleh JKR kerana pelanggan di luar sana hanya melihat JKR sebagai satu entiti. Pelanggan kita tidak ingin tahu sama ada proses kerja itu dilakukan di Cawangan A atau Cawangan B, apa yang mereka mahukan adalah, satu satu keputusan pantas daripada satu pihak sebagai sebuah organisasi.

Dato'-Dato', Tuan Tuan dan Puan-Puan sekalian

19. Saya melihat ini adalah masa yang bijak untuk JKR mengembalikan penjenamaan atau *branding* JKR yang selama ini dipandang baik oleh masyarakat. Bersama kepimpinan baru ini, JKR seharusnya melakukan perubahan yang perlu dengan melihat

keseluruhan sistem penyampaian sedia ada bagi meningkatkan lagi keberkesanannya kepada tahap yang lebih tinggi. Sekarang adalah masa yang sesuai untuk mengkaji semula strategi pelaksanaan yang digunakan oleh JKR samada masih relevan dan bersesuaian dengan perubahan ekspektasi pelanggan serta stakeholder.

20. Ada juga kalangan yang berpendapat bahawa peranan perkhidmatan kejuruteraan yang dimainkan oleh jurutera daripada JKR pada masa kini telah berkurangan. Ini dibuktikan dengan adanya beberapa kementerian yang telah mengambil tindakan melaksana projek pembangunan infrastruktur mereka secara sendirian. Kita juga pada awalnya telah turut dipinggirkan dalam perencanaan projek infrastruktur negara yang terbesar iaitu *Mass Rapid Transit* (MRT). Syarikat-syarikat perunding jurutera swasta dilihat telah diberi kepercayaan dan dilantik untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur seumpama ini.

21. Justeru, kita harus sedar bahawa hakikat ini merupakan cabaran untuk mendapatkan kembali kepercayaan yang pernah diberi kepada JKR dalam pelaksanaan projek. JKR juga perlu memperbaiki kelemahan dan mempertingkatkan kepakaran dalam bidang pembinaan dan penyenggaraan infrastruktur, seterusnya membuktikan bahawa JKR pada hari ini lebih responsif dan mampu memikul amanah yang diberikan. Jika kita gagal berubah untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, mungkin suatu hari nanti perkhidmatan JKR tidak lagi diperlukan dan akan digantikan orang lain.

22. Satu contoh yang jelas, peranan kita dalam pengurusan bekalan air telah diambil alih oleh pihak lain. Begitu juga dengan fungsi dan skop JKR Woksyop yang semakin mengecil. Manakala pelaksanaan projek dan penyenggaraan jalan sebahagian besarnya dilaksanakan oleh pihak ketiga secara penswastaan. Kabinet juga sedang menimbang semula untuk mewujudkan satu jabatan khas bagi pengurusan cerun.

23. Oleh itu, jadikanlah seminar ini sebagai peluang terbaik bagi memikirkan langkah-langkah yang strategik dalam menentukan hala tuju dan masa depan JKR yang lebih jelas. Kita perlu bersikap realistik dan jujur dalam menilai semula persekitaran termasuk melihat dari sudut perspektif *stakeholder*. Rancang serta tetapkanlah strategi-strategi ini secara bersama dalam semangat satu pasukan. Peluang yang ada ini tidak harus disia-siakan dan tidak akan terbuka untuk selama-lamanya!

Dato'-Dato', Tuan Tuan dan Puan-Puan sekalian

24. Tidak dinafikan bahawa JKR juga telah memberikan sumbangan besar kepada kerajaan dalam pembangunan infrastruktur negara. Namun demikian, beberapa isu yang ditimbulkan oleh masyarakat perlu ditangani segera dengan bijaksana, cepat dan tepat. Oleh itu, saya sangat mengharapkan kepada kepimpinan baru JKR agar dapat mengembalikan kecemerlangan yang dikecapi sebelum ini di mana masyarakat memandang tinggi dan berkeyakinan dengan projek-projek yang kita laksanakan.

25. Sikap prihatin kepada pelanggan dan senantiasa berusaha untuk memenuhi kehendak pelanggan adalah sangat penting dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai. Kita juga ada mendengar sebelum ini rungutan pelanggan terhadap sesetengah projek yang telah kita laksanakan. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, dengan mengambil pengiktibaran dari pelaksanaan RMK-9, kita harus mempertingkatkan tanggapan supaya ianya dilihat lebih baik.

26. Pengurusan persepsi hendaklah dipertingkatkan bagi mengurangkan tanggapan kurang baik pelanggan dan orang ramai kepada JKR. Sehubungan dengan itu, kita harus mengambil langkah positif dengan meningkatkan lagi perkhidmatan pada pelanggan dan rakyat. Umpamanya, memberikan perkhidmatan secara berterusan kepada pelanggan terhadap sesuatu projek, walaupun selepas tempoh kecacatan. Saya berharap JKR dapat mengkaji secara serius pelanjutan tempoh tanggungan kecacatan projek-projek Kerajaan supaya kos penyenggaraan dapat dikurangkan.

Dato'-Dato', Tuan Tuan dan Puan-Puan sekalian

27. Saya percaya, salah satu usaha penambahbaikan yang boleh dibuat oleh JKR dalam mendapatkan kepercayaan pelanggan adalah dengan meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi yang juga merupakan salah satu teras dalam pembangunan modal insan. Pada masa ini, seperti kita semua sedia maklum, terdapat ramai di kalangan pegawai *senior* JKR yang kaya dengan pengalaman dan kemahiran

akan meninggalkan perkhidmatan dalam tempoh terdekat. Pasti JKR akan menghadapi masalah sekiranya pengalaman dan kepakaran dimiliki tidak diwarisi oleh pegawai-pegawai di lapisan seterusnya.

28. Oleh itu, program latihan kemahiran dan bimbingan daripada pegawai-pegawai *senior* yang berkemahiran amatlah diperlukan bagi menyediakan barisan pelapis anggota kita yang berpotensi pada masa akan datang. Pegawai-pegawai muda yang *junior* perlu diberi perhatian dan dilengkapi dengan kemahiran asas yang cukup terlebih dahulu sebelum dibuat penempatan ke sesuatu tempat. Segulung ijazah tidak cukup sebagai bekalan untuk melaksanakan kerja sekiranya tidak dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan. Pada masa yang sama manual prosedur kerja terutamanya yang terlibat dengan projek pembinaan dan juga kerja pemantauan penyenggaraan harus dilihat dan disemak semula.

Dato'-Dato', Tuan Tuan dan Puan-Puan sekalian

29. Dalam konteks ini, saya akan terus berjuang bagi mewujudkan semula pusat lanjutan latihan kemahiran atau *advance technical college* untuk menjamin kapasiti dan keupayaan anggota teknikal kita pada masa akan datang terserlah. Oleh itu, program latihan dan latihan semula amat penting diberikan kepada semua kakitangan secara berterusan bagi menyediakan warga kerja yang kompeten pada masa akan datang. Saya yakin JKR mempunyai ruang dan

peluang untuk meningkatkan kualiti gunatenaga yang sedia ada bagi melahirkan kakitangan yang produktif, kreatif dan berinovatif.

Dato'-Dato', Tuan Tuan dan Puan-Puan sekalian,

30. Ke arah merealisasikan tema mesyuarat pada kali ini, sebagaimana yang saya katakan tadi, kita harus bersedia dan berani untuk berubah bagi menjadikan JKR sebagai sebuah organisasi yang terunggul dan disegani. Kehendak stakeholders kini perlu dilihat dari sudut dan perspektif yang berbeza terutamanya dalam memenuhi tuntutan masyarakat pada hari ini yang kebanyakannya lebih berpengetahuan dengan ekspektasi yang begitu tinggi. Oleh itu, JKR perlu berani membuat anjakan pembaharuan dengan kapasiti yang ada bagi memastikan perkhidmatan yang diberi adalah melebihi tuntutan pelanggan dengan aplikasi teknologi terkini serta tidak lagi terkongkong dengan kaedah lama.

31. Saya juga ingin mengingatkan supaya kita jangan sesekali lupa bahawa kerja berpasukan adalah aset terpenting. Warga JKR mestilah bersatu dan menyokong sepenuhnya semua program yang dilaksanakan. *Everyone has their perception on how a job should be done, but teamwork requires integration, connecting the dots and synergizing. Our jobs are multidisciplinary. We need to work in an environment of trust and cooperation.*

32. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya menyeru kepada semua pegawai-pegawai kanan JKR agar dapat mengembalikan penjenamaan atau "branding" JKR yang selama ini

dipandang baik oleh masyarakat. Biarlah kerja-kerja yang dilakukan oleh JKR bukan sahaja memenuhi keperluan dan permintaan pelanggan, malah akan menjadi JKR sentiasa menjadi rujukan nombor satu Negara untuk setiap pembangunan yang dirancang.

33. *I believe I have identified and stated the direction that I want for JKR and the Ministry to embark upon. I have articulated the interest and expectation of the stakeholders towards this agency. But lethargy, complacency, and comfort zone is your biggest enemy. Now, it is time for you to think beyond yourself and your position. Think about the service, your organization, and the nation. Now is the time to act, and we should not only deliver but deliver the best. If we can leave Malacca : the birthplace of this nation, with the same spirit – the clarion call for independence. The belief that we can break free from the chains of colonialism and launch out into the deep on our own. The same spirit will see the resurrection of JKR that will take us into the next era. And let Malacca witness the transition, witness of the rebirth of JKR as a genuine leading technical agency in the country. The choice is yours!*

34. Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, saya merasmikan Majlis Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Tahun 2011 pada hari ini.

Sekian, terima kasih.